



1.0 PENDAHULUAN

1.1 PENGENALAN

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas merupakan satu inisiatif daripada Jabatan Landskap Negara untuk merealisasikan pembangunan landskap yang mampan di jajahan Pasir Mas menerusi perancangan landskap dan cadangan pembangunan yang teliti dan terperinci. Pelan induk landskap ini menyediakan cadangan dalam bentuk polisi, strategi, kaedah kawalan, garis panduan pelaksanaan dan cadangan projek landskap yang sesuai untuk dibangunkan dalam kawasan jajahan Pasir Mas yang mahu tampil dengan penjenamaan semula jajahan Pasir Mas dengan imej yang lebih menarik, berintegrasi, islamik dan berteraskan kemurnian ilmu pengetahuan. Segala cadangan yang disediakan diharap dapat memberi keseimbangan di antara pembangunan fizikal dan pemeliharaan alam sekitar.



Foto 1.1 : Antara tarikan utama landskap buatan dan semula jadi yang terdapat di jajahan Pasir Mas yang menarik pelancong dan pengunjung daripada tempatan dan luar memilih jajahan Pasir Mas sebagai destinasi percutian.

(Sumber : Data primer)

Dengan misi menjamin menyediakan perkhidmatan yang cekap, mesra dan berkualiti kepada setiap pelanggan serta sentiasa berusaha menjadikan kawasan Majlis Daerah Pasir Mas **Maju, Bersih dan Indah** diselaraskan dengan visi yang membawa perubahan kepada jajahan Pasir Mas untuk menjadi lebih dinamik melalui pelaksanaan pembangunan landskap yang menyeluruh dan bersepadu.

Oleh itu, pelaksanaan program landskap negara mempunyai sumbangan dan kepentingannya kepada pembangunan negara secara keseluruhan. Pelaksanaan tersebut bertujuan untuk mencapai visi Negara Dalam Taman atau Malaysia Negara Taman Terindah. Pencapaian visi ini merupakan pelengkap kepada objektif pelaksanaan pelbagai dasar negara ke arah mencapai Wawasan 2020 di mana

wawasan ini menyediakan rangka kepada penyediaan garis panduan dan hala tuju pembangunan di peringkat nasional dan hubungan luar negara.

Penyediaan dan pelaksanaan Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas (PILPM) merupakan satu langkah untuk melaksanakan program pembangunan landskap yang bertujuan untuk mencapai kualiti hidup secara menyeluruh kepada semua rakyat Malaysia. Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas (PILPM) juga merupakan pelengkap dalam menjadikan kawasan Majlis Daerah Pasir Mas sebagai **KAWASAN YANG PERMAI, BERSIH, INDAH DAN DINAMIK**. Tidak mustahil bahawa suatu hari nanti, jajahan Pasir Mas akan menjadi kawasan penempatan pilihan oleh masyarakat setempat mahupun orang luar.

Bagi menjadikan setiap daerah di negara ini mempunyai kawasan persekitaran yang kondusif, menarik, cantik, dan beridentiti, satu usaha telah dilakukan oleh pihak Jabatan Landskap Negara iaitu dengan mewujudkan penyediaan Kajian Pelan Induk Landskap. Kajian ini juga boleh membantu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di dalam kawasan majlis daerah melalui pendekatan perancangan fizikal dan kualiti persekitaran.

1.2 MATLAMAT KAJIAN

Matlamat Kajian Pelan Induk Landskap ini disediakan adalah untuk **menyediakan pelan induk landskap yang terancang dan bersepadu bagi Majlis Daerah Pasir Mas untuk mamacu ke arah perancangan dan kawalan pembangunan serta penyelenggaraan landskap** bagi tempoh 10 tahun (2012-2022) selaras dengan visi Majlis Daerah Pasir Mas iaitu '**Pasir Mas Daerah Satelit Berdinamik**'.

1.3 OBJEKTIF KAJIAN

Selaras dengan matlamat kajian, beberapa objektif kajian daripada pelbagai aspek dibentuk untuk dijadikan hala tuju kajian ini secara keseluruhannya. Ia terdiri daripada:

- i. Menterjemahkan kaedah menerapkan dasar-dasar pengindahan landskap yang disediakan di peringkat negara, negeri dan tempatan.



- ii. Mengenal pasti status perancangan, pelaksanaan, pengurusan dan kawalan pembangunan landskap sedia ada di kawasan kajian.
- iii. Mengkaji ciri-ciri fizikal dan semula jadi di kawasan kajian untuk memastikan perancangan landskap adalah praktikal dengan keadaan sedia ada.
- iv. Mengenal pasti karakter landskap serta mencadangkan imej landskap yang tersendiri dan bersesuaian.
- v. Menganalisis, mengenal pasti potensi serta keperluan pembangunan landskap dan keperluan kawasan lapang, aktiviti rekreasi yang bersesuaian mengikut fungsi dan hierarki.
- vi. Menyediakan unjuran-unjuran pembangunan landskap sebagai komponen pembangunan keseluruhan terutamanya dalam menyediakan persekitaran kehidupan yang selesa, pengkalan dan pengkayaan sumber jaya landskap dan alam semulajadi, penyediaan kemudahan rekreasi dan sokongan kepada pembangunan ekonomi.



Foto 1.2 : Menjadikan bandar Pasir Mas sebagai ikon bandar dalam taman dengan kelebihan landskap alam semula jadi yang terdapat di jajahan Pasir Mas. (Sumber : Internet)

- vii. Menaikkan imej kawasan Majlis Daerah Pasir Mas melalui pengindahan landskap.
- viii. Mengenal pasti peranan agensi kerajaan dan swasta di dalam aspek pengindahan di kawasan Majlis Daerah Pasir Mas serta mempromosikan sektor pelancongan.
- ix. Mengenal pasti tahap kawalan pembangunan landskap, proses kelulusan pelan dan penguatkuasaan Perintah Pemeliharaan Pokok (*Tree Preservation Order – TPO*)
- x. Menyediakan cadangan konsep, strategi dan kaedah pelaksanaan pembangunan landskap serta garis panduan pembangunan landskap untuk menjadi pandu arah kepada Majlis Daerah Pasir Mas serta agensi berkaitan di

dalam mengawal selia perancangan dan pembangunan landskap pada masa hadapan.

- xi. Mengenal pasti projek-projek landskap untuk tindakan segera oleh Majlis Daerah Pasir Mas dan agensi-agensinya berkaitan.
- xii. Menyediakan kaedah kawalan dan penguatkuasaan pembangunan landskap, merancang sistem penyelenggaraan dan penyelarasan pengindahan landskap yang sistematik secara berterusan.
- xiii. Menyediakan indikator dan kaedah pencapaian pembangunan landskap.



1.4 SKOP KAJIAN

Skop kajian bagi Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas akan mengambil kira asas rujukan yang disediakan oleh Jabatan Landskap Negara. Skop bagi kajian ini adalah seperti berikut:

A. Kajian Status Pentadbiran, Perancangan dan Pembangunan

Mengkaji dan mengenal pasti persempadanan pentadbiran, kawasan kawalan dan operasi kawasan kajian serta organisasi pentadbiran. Kajian juga perlu melihat status pembangunan, persekitaran kehidupan secara umum, aktiviti ekonomi dan aspirasi serta kehendak umum dan organisasi semasa.

B. Kajian Ciri-ciri Fizikal, Sumber-Sumber Asli dan Alam Sekitar

Ciri-ciri fizikal di kawasan kajian mewujudkan elemen-elemen tertentu. Proses dan interaksi elemen-elemen tersebut sama ada secara individu atau integrasi akan mewujudkan proses dan komponen yang mempengaruhi corak dan ciri-ciri sesuatu kawasan sama ada ciri-ciri fizikal, budaya dan juga ekonomi.

Ciri-ciri fizikal akan dinilai disamping mengambil kira keadaan sedia ada dan potensi, halangan, cabaran dan hubungannya terhadap pembangunan landskap bagi kawasan kajian.

C. Kajian Sumber Jaya Landskap

Mengenal pasti dan menyediakan inventori yang menunjukkan semua sumber jaya landskap yang sedia ada di kawasan kajian seperti kawasan lapang, kawasan berkualiti visual yang tinggi, tumbuhan dan populasi tumbuhan, sumber air, rekreasi semula jadi, jaringan hijau, kawasan landskap agrikultur, landskap kebudayaan dan lain-lain sumber jaya landskap yang tinggi bernilai.

d. Kajian Ciri-ciri Pembangunan Landskap

Kajian ini adalah untuk mengenal pasti ciri-ciri pembangunan landskap yang sedia ada wujud di kawasan kajian. Ianya perlu meliputi perkara-perkara seperti:

- i. Tumbuh-tumbuhan
- ii. Bangunan

- iii. Laluan pejalan kaki
- iv. Struktur asas yang meliputi tangga, 'ramp', dinding (wall) dan pagar (pembahagian ruang, penghadang pemandangan, pembahagian fungsi, mengubahsuai cuaca, sebagai bangku dan tempat duduk, elemen visual dan tembok penahan)
- v. Perabot landskap
- vi. Elemen air
- vii. Pencahayaan
- viii. Papan tanda

E. Kajian Sosio Budaya

Reka bentuk yang dihasilkan bagi kawasan kajian perlulah sesuai dengan kumpulan etnik, pekerjaan dan pendapatan, kumpulan umur, sejarah, tradisi budaya dan kepercayaan khusus dan mencerminkan unsur-unsur sosio budaya penduduk setempat di jajahan Pasir Mas.



Foto 1.3 : Keunikan, aktiviti kebudayaan dan makanan tradisi yang menjadi identiti kepada masyarakat jajahan Pasir Mas. (Sumber : Internet)

F. Kajian Pengurusan Landskap Sedia Ada

Mengenal pasti dan menganalisis struktur organisasi Majlis Daerah Pasir Mas (MDPM) yang bertanggungjawab ke atas program pembangunan landskap, bentuk kawalan landskap yang dilaksanakan, penyelenggaraan, kewangan dan peruntukan.

Kajian hendaklah dibuat terhadap status pengurusan landskap semasa, mengkaji kelemahan dan kelebihannya. Cadangan dan kaedah pengurusan yang perlu dilaksanakan hendaklah diunjurkan untuk dilaksanakan bagi mencapai konsep



pembangunan landskap yang dicadangkan. Aspek-aspek pengurusan landskap yang perlu dikaji adalah seperti :

- i. Struktur organisasi yang bertanggungjawab ke atas pengurusan pembangunan landskap
- ii. Program pembangunan landskap seperti penyelenggaraan, pemeliharaan dan lain-lain
- iii. Komponen-komponen pengurusan
- iv. Alatan penyelenggaraan landskap
- v. Anggaran belanjawan pengurusan

G. Kajian Reka Bentuk Bandar

Aspek reka bentuk bandar juga dikaji sebagai sumbangan kepada kajian Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas ini. Antara aspek-aspek yang akan dikaji termasuklah:

- i. Pusat penempatan utama
- ii. Kualiti pandangan jauh (dari arah pintu masuk)
- iii. Elemen reka bentuk bandar dan identiti bandar
- iv. Sistem sirkulasi
- v. Ciri-ciri seni bina bangunan (aspek pemeliharaan dan pemeliharaan)
- vi. Garis panduan piawaian
- vii. Reka bentuk pembangunan pusat penempatan utama
- viii. Inventori bangunan dan kawasan bersejarah
- ix. Kajian keperluan pembangunan semula bandar
- x. Kajian keperluan pembangunan semula bagi bandar kecil



Foto 1.4 : Keadaan semasa reka bentuk bandar yang terdapat di bandar Pasir Mas yang perlu dinaik taraf bagi mengindahkan landskap dalam pusat bandar. (Sumber : Data primer)

H. Kajian Hortikultur

Memberi tumpuan kepada pemuliharaan dan pemeliharaan pokok *Tree Preservation Order (TPO)* dan kawasan hijau. Aspek hortikultur adalah merupakan aspek penting secara umumnya berkaitan dengan tumbuh-tumbuhan yang perlu dikaji dan diteliti. Antara aspek-aspek yang perlu dikaji adalah seperti berikut:

- i. Hortikultur dan keperluan landskap mengikut blok perancangan atau bandar
- ii. Keadaan semasa
- iii. Senarai pokok-pokok
- iv. Landskap lembut
- v. Pokok-pokok yang tertakluk kepada *Tree Preservation Order (TPO)*
- vi. Memelihara dan menanam pokok
- vii. Pokok asal yang mempunyai nilai-nilai sejarah dan warisan
- viii. Pengurusan dan penyelenggaraan landskap
- ix. Pengurusan tapak semaian

I. Kajian Alam Sekitar

Keadaan semasa juga perlu diambil kira seperti keadaan profil cuaca yang merangkumi sistem meteorologikal, taburan hujan, keadaan angin dan keadaan suhu. Kesan-kesan pencemaran daripada penggunaan baja dan racun serangga perosak juga akan diambil kira memandangkan kawasan ini sebahagian besarnya adalah kawasan pertanian. Analisis parameter alam sekitar adalah berdasarkan data-data asas (*baseline data*) sedia ada yang diperolehi dari Jabatan Alam Sekitar, Jabatan Meteorologi atau dari jabatan-jabatan lain yang berkaitan.



1.5 METODOLOGI DAN PENDEKATAN KAJIAN

Kajian Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas ini melibatkan 5 peringkat utama iaitu:


- i. Peringkat Awalan
- ii. Pengumpulan Maklumat
- iii. Analisis Sintesis dan Penemuan
- iv. Pelan Konsep
- v. Pelan Induk Landskap

A. Peringkat Awalan

Peringkat awalan digariskan berasaskan kepada asas rujukan serta tinjauan awal yang telah dibuat di kawasan kajian. Berdasarkan kepada matlamat dan objektif yang digariskan, perincian ke atas skop yang telah dibuat merangkumi pelbagai aspek utama dan sokongan. Aspek-aspek utama termasuklah ciri-ciri landskap lembut dan kejur, hortikultur, garis panduan kawalan pembangunan landskap serta kaedah pengurusan dan pelaksanaan. Manakala aspek sokongan pula termasuklah ciri-ciri fizikal, guna tanah, demografi dan sosio budaya, ciri-ciri, kualiti alam sekitar serta imej dan reka bentuk bandar.

Pada peringkat ini juga isu-isu awalan akan dikenal pasti, akan menjelaskan mengenai metodologi dan pendekatan kajian serta kaedah pengumpulan maklumat. Kesemua perkara-perkara di atas akan didokumenkan.

Ini termasuklah mengenal pasti zon-zon yang perlu menerima rawatan landskap atau mempunyai potensi untuk dibangunkan mengikut keutamaan. Tumpuan analisis akan diberikan kepada bandar Pasir Mas, bandar Rantau Panjang dan pintu masuk utama seperti To' Uban, Chabang Empat Tendong dan Bunut Susu (pusat petempatan utama) serta beberapa kawasan berpotensi untuk aktiviti rekreasi dan pelancongan utama yang telah dikenal pasti oleh Rancangan Struktur Negeri Kelantan dan Draf Rancangan Tempatan Daerah Pasir Mas. Manakala kawasan-kawasan lain akan dikaji secara umum bagi mengenal pasti ciri-ciri sedia ada serta mengenal pasti langkah yang akan dicadangkan di kawasan tersebut.



Rajah 1.1: Carta alir rangka kerja peringkat awalan

**B. Pengumpulan Maklumat**

Maklumat-maklumat dan data-data pada amnya akan dikumpulkan melalui kaedah-kaedah berikut:

- i. Laporan-laporan sedia ada
- ii. Kajian Inventori
- iii. Temubual dengan pegawai dan kakitangan Majlis Daerah Pasir Mas dan agensi-agensi lain.

C. Analisis, Sintesis dan Penemuan

Maklumat-maklumat yang diperolehi sama ada melalui data-data primer, sekunder atau kajian lapangan akan dianalisis secara berperingkat untuk mendapatkan hasil kajian yang tepat. Maklumat-maklumat yang diperolehi akan dikumpul dan dianalisis mengikut teknik-teknik yang khusus berdasarkan keperluan aspek kawasan kajian seperti unjuran-unjuran yang berkaitan dengan penduduk dan faktor keperluan kawasan lapang dan rekreasi pada masa hadapan. Potensi dan halangan juga diberi perhatian untuk mengemukakan cadangan landskap yang berpandukan hasil analisis, masalah dan prospek yang telah dikenal pasti.


D. Pelan Konsep

Pelan konsep pembangunan landskap adalah merangkumi aspek-aspek penentuan imej dan identiti, konsep pembangunan secara keseluruhan dan konsep pembangunan bagi kawasan-kawasan utama dan tindakan.

E. Pelan Induk Landskap

Garis panduan landskap berdasarkan kepada hasil penemuan dan konsep pembangunan landskap yang telah disediakan, dasar-dasar dan strategi bagi Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas akan dirangka. Laporan pelan induk ini juga akan merangkumi cadangan perancangan dan pembangunan landskap secara menyeluruh meliputi kawasan-kawasan utama atau kawasan tindakan yang dikenal pasti. Aspek-aspek pengurusan dan pelaksanaan juga akan diberi tumpuan termasuklah mengenal pasti kaedah pelaksanaan, agensi

pelaksana yang terlibat, sumber kewangan dan tempoh pelaksanaan. Garis panduan umum dan khusus juga akan disediakan bagi memandu arah perancangan, kawalan dan pelaksanaan serta penyelenggaraan landskap di kawasan Majlis Daerah Pasir Mas.



Rajah 1.2: Carta alir rangka penyediaan pelan induk landskap Majlis Daerah Pasir Mas.



1.6 ASPEK KAJIAN

Aspek kajian bagi pelan induk ini adalah berdasarkan kehendak dalam setiap bidang kajian yang telah ditetapkan.

ASPEK 1

Jadual 1.1 : Taburan bandar dan penempatan kawasan kajian.

Data	Analisis	Output
Dasar pembangunan yang berkaitan dengan landskap di peringkat : <ul style="list-style-type: none"> • Wilayah • Negeri • Daerah 	Analisis dan kajian dasar pembangunan wilayah, negeri dan daerah daripada segi fizikal yang berkaitan dengan landskap.	Pelan pembangunan wilayah semasa yang mengandungi koridor pembangunan, guna tanah, hubungan jalan raya, hierarki penempatan dan perhubungan.
Dasar pembangunan daerah bersempadan.	Analisis dan kajian dasar pembangunan <i>spatial</i> daripada aspek agihan penduduk, aktiviti ekonomi, kemudahan sosial dan pembangunan penempatan dalam kawasan kajian.	
Kawasan koridor pembangunan seperti; <ul style="list-style-type: none"> • Koridor pembangunan perindustrian • Zon pemeliharaan sumber negeri termasuk hutan simpan, kawasan tadahan air, sumber mineral semula jadi dan warisan sejarah 	Mengkaji dan menganalisis kawasan tadahan air, hutan simpan, sumber mineral semula jadi, warisan sejarah, projek pembangunan usahasama dan sistem pengangkutan antara sempadan daerah.	<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan sumber • Sambungan rangkaian • Hierarki penempatan daerah

ASPEK 2

Jadual 1.2: Ciri- ciri fizikal dan guna tanah.

Data	Analisis	Output
<ul style="list-style-type: none"> • Keadaan fizikal • Topografi • Geologi • Tanah • Hidrologi • Kawasan pemandangan yang berpotensi 	<ul style="list-style-type: none"> • Jenis kawasan • Luas kawasan yang boleh dibangunkan • Kesesuaian • Kestabilan tanah • Kawasan banjir/sungai yang telah dikenal pasti • Kecerunan • Ketinggian kawasan • Kesesuaian tanah • Kualiti pemandangan 	<ul style="list-style-type: none"> • Peta topografi • Peta pembangunan komited • Peta kesediaan tanah untuk pembangunan
Guna tanah semasa dalam kawasan kajian : <ul style="list-style-type: none"> • Kediaman • Industri • Perniagaan & perkhidmatan • Institusi & kemudahan masyarakat • Tanah lapang & rekreasi • Tanah kosong • Pengangkutan • Infrastruktur & utiliti • Pertanian • Hutan • Badan air 	Analisis dan justifikasi adalah mengikut jenis guna tanah seperti : <ul style="list-style-type: none"> • Luas • Lokasi • Jenis • Agihan • Corak • Unjuran 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan guna tanah • Pecahan cadangan guna tanah atau blok perancangan • Pelan guna tanah petempatan • Pecahan analisis tanaman mengikut kawasan • Pelan kawasan lapang dan rekreasi • Pekan analisis jalan raya • Pelan dan garis panduan landskap bagi semua guna tanah
Guna tanah mengikut blok perancangan	<ul style="list-style-type: none"> • Jenis • Agihan • Corak • Lokasi • Pembangunan yang ditetapkan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan taburan guna tanah utama termasuk kawasan sempadan.
Hak milik tanah	<ul style="list-style-type: none"> • Tanah persendirian • Tanah Kerajaan • Tanah berkanun • Lokasi 	<ul style="list-style-type: none"> • Penentuan hak milik tanah
Pembangunan komited	<ul style="list-style-type: none"> • Mengenal pasti corak dan jenis pembangunan 	<ul style="list-style-type: none"> • Pelan pembangunan yang ditetapkan • Gambarajah



ASPEK 3

Jadual 1.3: Reka bentuk bandar

Data	Analisis	Output
<ul style="list-style-type: none"> • Pusat petempatan utama. • Tumpuan kawasan aktiviti komersial. • Pusat jajahan bagi jajahan Pasir Mas. • Bandar Pasir Mas menjadi kawasan tumpuan kemudahan sosial. • Corak pembangunan 'linear' di sepanjang jalan utama. • Kawasan tepu bina tertumpu di lot-lot rumah kedai pusat bandar. • Sistem sirkulasi tidak sistematik sehingga mengakibatkan kesesakan trafik. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menganalisis corak pembangunan petempatan yang lebih tertumpu di kawasan pusat bandar Pasir Mas. • Menganalisis kawasan yang dikenal pasti menjadi <i>nodes, path, edges</i>, dan mercu tanda. • Menganalisis rangkaian kemudahan pengangkutan awam yang disediakan untuk keselesaan orang awam. • Menganalisis kawasan yang dikenal pasti sebagai ruang-ruang awam untuk dibangunkan. • Menganalisis kualiti pandangan terhadap pembangunan sedia ada, karakter reka bentuk dan fasad bangunan, sistem jaringan laluan kenderaan, dan ciri-ciri kawasan perbandaran. • Menganalisis perkembangan dan pembangunan di seluruh kawasan jajahan Pasir Mas termasuk kawasan luar bandar dan kawasan persempadanan. 	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan membangunkan kawasan luar bandar dan membuka bandar-bandar baru bagi mengagihkan tumpuan aktiviti secara sekata. • Menaik taraf kawasan tumpuan sedia ada yang terdapat dalam bandar untuk dijadikan tarikan utama pelancong yang datang daripada luar. • Cadangan membangunkan kawasan lapang untuk dijadikan lokasi taman awam atau taman bandar bagi memudahkan masyarakat setempat beriadah dan berekreasi. • Cadangan reka bentuk bandar yang memiliki jaringan hijau dan taman-taman poket. • Cadangan menaik taraf pembangunan landskap terhadap kualiti pandangan dengan menyediakan reka bentuk landskap yang bercirikan bandar dalam taman.

ASPEK 4

Jadual 1.4: Kawasan lapang dan kemudahan rekreasi

Data	Analisis	Output
<ul style="list-style-type: none"> • Kawasan lapang dan kemudahan rekreasi sama mengikut blok perancangan. • Keadaan semasa • Senarai kawasan tanah lapang dan rekreasi yang telah dan belum diwartakan. • Keadaan landskap semasa merujuk kepada pelan guna tanah • Projek pembangunan yang ada dalam perancangan dan sedang dijalankan. • Jenis-jenis landskap kejur dan landskap lembut yang berada dalam kawasan kajian. • Kawasan jaringan hijau yang dikenal pasti. 	<ul style="list-style-type: none"> • Hierarki • Bilangan • Lokasi • Keluasan kawasan kajian • Taburan kawasan lapang dan rekreasi. • Permintaan berbanding penawaran. • Kesesuaian perletakan • Unjuran keperluan kawasan lapang dan rekreasi. • Jenis aktiviti rekreasi • Taburan keperluan dan kehendak pengguna. • Kesesuaian landskap mengikut fungsi dan lokasi. • Analisis keseluruhan yang merangkumi isu dan masalah serta potensi dan halangan kawasan kajian. 	<ul style="list-style-type: none"> • Cadangan untuk menjalankan penyelenggaraan berkala terhadap kawasan lapang dan rekreasi sedia ada dengan peruntukkan yang mencukupi. • Kawasan lapang dan rekreasi yang disediakan mengikut faktor demografi usia dan keperluan penduduk. • Reka bentuk dan susun atur perabot taman serta elemen landskap yang mesra pengguna. • Kawasan rekreasi yang berasaskan alam semula jadi diberi perhatian untuk dibangunkan menjadi pusat tumpuan pengunjung. • Kemudahan ruang untuk menjalankan aktiviti kesenian yang mencerminkan adat dan budaya masyarakat setempat. • Pelan cadangan landskap keseluruhan untuk memonitor pembangunan dan perkembangan jaringan hijau untuk kawasan lapang.



ASPEK 5

Jadual 1.5: Hortikultur dan keperluan landskap.

Data	Analisis	Output
<ul style="list-style-type: none"> Hortikultur dan keperluan landskap mengikut blok perancangan atau bandar/pekan. Keadaan semasa perkembangan aktiviti hortikultur. Senarai pokok dan tumbuhan yang terdapat dalam kawasan kajian. Kawasan yang memiliki kriteria pokok di bawah penjagaan <i>Tree Preservation Order</i>. Memelihara dan menanam pokok. Kajian pokok asal yang mempunyai nilai sejarah dan warisan. Pengurusan dan kaedah penyelenggaraan landskap. Pengurusan tapak semaian. 	<ul style="list-style-type: none"> Hierarki dan jenis pokok-pokok utama. Pokok teduhan, palma, pokok renek, dan pokok hutan yang tumbuh secara semula jadi. Rumput. Spesies yang dominan. Bilangan dan taburan pokok. Lokasi. Kesesuaian penanaman mengikut fungsi dan keperluan. Keperluan pengurusan dan penyelenggaraan. Keperluan tapak semaian. Analisis keseluruhan merangkumi isu, masalah, potensi serta halangan. 	<ul style="list-style-type: none"> Tanah pertanian diuruskan secara bersepadu dan menggunakan pendekatan secara mini estet. Sektor pertanian dijadikan sebagai tunjang aktiviti komersial dan mampu menarik generasi muda untuk terlibat sama. Menggazet kawasan tanaman padi dan menggantikan tanaman tembakau dengan tanaman kenaf. Menebus semula guna tanah yang terbiar untuk diusahakan. Pengezonan kepada kawasan yang bersesuaian dengan aktiviti pertanian masing-masing seperti penternakan dan akuakultur. Memaksimumkan penggunaan tanah pertanian berdasarkan potensi dan fungsi kawasan. Memantapkan kaedah pengusahaan kawasan pertanian dengan menggunakan teknologi moden dan terkini.

ASPEK 6

Jadual 1.6: Demografi penduduk

Data	Analisis	Output
<ul style="list-style-type: none"> Mengkaji profil penduduk mengikut kadar pertumbuhan, saiz isi rumah, nisbah jantina dan komposisi etnik. Mengkaji struktur umur dan komposisi jantina. 	<ul style="list-style-type: none"> Taburan dan kepadatan penduduk semasa mengikut blok perancangan dan petempatan utama. Nisbah jantina yang lebih dominan dalam kawasan kajian. Faktor-faktor yang mempengaruhi perubahan perkembangan penduduk dan pekerjaan dalam jangka masa perancangan. Pertumbuhan struktur umur dan peningkatannya. Kumpulan majoriti dalam kalangan masyarakat setempat serta kawasan tumpuan petempatan mengikut komposisi bangsa. 	<ul style="list-style-type: none"> Jadual jumlah profil penduduk semasa mengikut zon dan blok perancangan. Jadual jumlah profil penduduk berdasarkan jangkaan dalam tempoh 10 tahun perancangan umur. Taburan dan kepadatan penduduk bagi keperluan kawasan lapang di suatu kawasan atau blok perancangan.



ASPEK 7

Jadual 1.7: Alam sekitar dan pengurusan sumber landskap semula jadi

Data	Analisis	Output
<ul style="list-style-type: none"> • Kualiti alam sekitar. • Sumber jaya alam sekitar. • Kawasan sensitif alam sekitar. • Kualiti air sungai. • Kualiti air bawah tanah. • Persampelan kualiti udara. • Paras hingar/bising. 	<ul style="list-style-type: none"> • Menjalankan persampelan kualiti air menggunakan khidmat pakar daripada Jabatan Alam Sekitar. • Kadar peningkatan dan penurunan kualiti air. • Mengenal pasti punca pencemaran yang datang daripada aktiviti perbandaran, dan pertanian. • Mengkaji kesan aktiviti perindustrian. • Persampelan kualiti udara bagi menentukan tahap kualiti keadaan persekitaran. • Mengkaji kesan hakisan sungai yang menyumbang kepada masalah banjir. • Mengenal pasti kawasan sensitif alam sekitar. • Kawasan tadahan air untuk membekalkan sumber air untuk keperluan penduduk. • Mengenal pasti kawasan berisiko bencana yang berpotensi memberi impak kepada alam sekitar dan orang awam. 	<ul style="list-style-type: none"> • Meningkatkan promosi untuk menarik pelabur luar melabur dalam pengurusan sumber mineral semula jadi. • Menguruskan sumber air dan mengkategorikan kualiti air sungai dan air bawah tanah yang baik untuk kegunaan penduduk. • Menjadikan kawasan semula jadi dan kawasan hijau sebagai produk pelancongan untuk mempromosikan jajahan Pasir Mas kepada pengunjung luar.

1.7 RUMUSAN

Pelan Induk Landskap Majlis Daerah Pasir Mas merupakan pelan tindakan jangka masa panjang (10 tahun) yang disediakan dengan terperinci bagi menjana pembangunan yang komprehensif dan terancang dengan mengambil kira keseimbangan fizikal, sosial dan ekonomi disamping memelihara dan memulihara alam sekitar. Cadangan dan garis panduan melalui perincian landskap yang bersepadu dijangka akan membantu meningkatkan pembangunan ekonomi jajahan Pasir Mas.

Sehubungan itu, kajian pelan induk landskap ini akan dijadikan asas panduan perancangan dan pelaksanaan yang bersifat pembangunan secara berterusan yang bersesuaian dengan pembangunan masa hadapan. Dasar pembangunan landskap yang dijadikan rujukan adalah seperti menaik taraf kawasan-kawasan bandar utama, penyediaan ruang lapang dan rekreasi yang mencukupi dan bersesuaian untuk segenap peringkat umur, mewujudkan kawasan-kawasan pemuliharaan, garis panduan yang jelas mengenai pembangunan landskap di kawasan sensitif untuk mempromosikan produk pelancongan, membentuk identiti di pintu-pintu masuk utama yang menonjolkan keunikan budaya setempat serta pembangunan landskap yang minimalis, mudah diselenggara dan menarik.